

**Hubungan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar, Kolej Vokasional Langkawi**

*The relationship between self-concept and parents' support to the academic achievement of students, Langkawi Vocational College*

**Mohamad Shamim Mohd Shukri & Hishamuddin Ahmad\***

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*\*Correspondence email: hishamuddin.a@fpm.upsi.edu.my*

**Received:** 14 Jun 2024; **Accepted:** 16 April 2025; **Published:** 28 May 2025

**To cite this article (APA):** Mohd Shukri, M. S. ., & Ahmad, H. . (2025). Hubungan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar, Kolej Vokasional Langkawi. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 18(1), 63-72. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.1.7.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol18.1.7.2025>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar dalam Program Seni Kulinari di Kolej Vokasional Langkawi. Menggunakan pendekatan kuantitatif, statistik deskriptif dan korelasi untuk menganalisis data. Sampel kajian ini melibatkan 48 orang pelajar yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata. Soal selidik yang digunakan terdiri daripada 31 item yang mengukur konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 68.8% pelajar menunjukkan minat tinggi terhadap kursus dengan 60.4% pelajar lelaki dan 39.6% pelajar perempuan. Analisis ini menunjukkan hubungan positif antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini memberi kesan kepada pelajar untuk melihat tahap minat pelajar, motivasi dan persekitaran belajar yang kondusif dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian ini menekankan peranan penting ibu bapa dan institusi pendidikan dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar melalui sokongan dan pengembangan konsep sendiri yang positif.

**Kata Kunci:** Hubungan, Kendiri, Sokongan, Pencapaian

### **ABSTRACT**

*This study aims to identify the relationship between self-concept and parental support on the academic achievement of students in the Culinary Arts Program at Langkawi Vocational College. Using quantitative, descriptive and correlational statistical approaches to analyze data. The sample of this study involved 48 students who were selected using a stratified random sampling method. The questionnaire used consists of 31 items that measure self-concept, parental support and academic achievement. The findings of the study showed that 68.8% of students showed a high interest in the course with 60.4% of male students and 39.6% of female students. This analysis shows a positive relationship between self-concept and parental support with students' academic achievement. This study has an impact on students to see the level of student interest, motivation and a conducive learning environment in influencing student academic achievement. This study emphasizes the important role of parents and educational institutions in improving the academic performance of students through the support and development of a positive self-concept.*

**Keywords:** Relationship, Self, Support, Achievement

## **PENGENALAN**

Sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan seiring dengan perkembangan sistem pendidikan dunia yang berbentuk global dan sistem pentaksiran pendidikan juga kini semakin mencabar. Sistem kurikulum di Kolej Vokasional (KV) mempunyai 3 badan pengiktirafan iaitu *Malaysia Board of Technologists* (MBOT), *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Sistem KV melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) mengikut sistem semester di mana takwim tahunan terbahagi kepada dua semester. Pada permulaan semester, pelajar akan diberi garis panduan kursus di mana pendedahan mengenai Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) bagi Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang merangkumi semester 1, semester 2, semester 3 dan semester 4. Manakala bagi Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang merangkumi semester 1, semester 2, semester 3 semester 4 dan semester 5.

TVET ialah *Technical and Vocational Education and Training* merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) dan mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu. Skop TVET perlu berdasarkan standard pekerjaan yang diiktiraf dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri. Pendidikan TVET didefinisikan sebagai proses pendidikan dan latihan yang berteraskan kemahiran serta memberi penekanan utama terhadap amalan industri (Ismail & Hasan, 2013). Salah satunya yang menjadikan bidang TVET ini relevan adalah melalui persijilan Kemahiran Malaysia dengan merujuk dokumen *National Occupational Skills Standard* atau singkatan (NOSS) yang diguna pakai bagi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang menggariskan keterampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia.

Penilaian berterusan (PB) dan penilaian akhir (PA) merupakan satu proses penilaian dalam pembelajaran untuk mengukur tahap pencapaian akademik dalam teori dan amali pelajar. Hasil penilaian dan pencapaian tersebut dapat memberi maklum balas kepada pelajar, pensyarah dan pihak pengurusan kolej untuk melihat tahap prestasi bagi sesuatu kursus yang diambil oleh pelajar mengikut semester. Penilaian berterusan (PB) dan penilaian akhir (PA) di KV melibatkan penilaian formatif dan penilaian sumatif terhadap pengetahuan, kemahiran dan prestasi pelajar sepanjang pengajian. Pendekatan ini sangat penting untuk melihat tahap kemajuan pelajar dalam mempelajari setiap kursus yang diambil dan memastikan pelajar memperoleh kemahiran yang diperlukan dalam industri mengikut bidang vokasional masing-masing.

## **PENYATAAN MASALAH**

Isu pencapaian akademik pelajar vokasional sering diperkatakan kerana pelajar dari aliran ini hanya memberikan fokus dari sudut praktikal sahaja berbanding mata pelajaran teras yang lain. Masalah ketiadaan padanan di antara gaya pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar boleh mengakibatkan pemindahan pembelajaran yang kurang sempurna (Nurul Farahanaa Anwar, 2013). Husin & Nordin, (2011) menyatakan bahawa punca kemerosotan pencapaian akademik adalah kerana pelajar gagal mengaplikasikan gaya pembelajaran yang betul. Setiap pelajar mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza dalam memahami sesuatu konsep yang dipelajari.

Penyataan masalah yang perlu dilihat, pelajar KV kursusnya Program Seni Kuliner memerlukan tahap sendiri yang baik dan memerlukan motivasi yang sangat tinggi apabila memilih kursus ini kerana sepanjang pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan pelajar perlu sentiasa proaktif dan kreatif dalam mengeluarkan idea semasa amali masakan dijalankan. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat sejauh mana tahap sendiri pencapaian akademik pelajar dan minat terhadap Program Seni Kuliner adakah mohon kursus tersebut dengan kerelaan hati atau pilihan keluarga sendiri. Namun begitu, sekiranya terdapat pelajar kurang berminat, sebagai pensyarah perlu bertanggungjawab untuk menarik minat pelajar tersebut dengan memberi motivasi kepada pelajar.

Motivasi merupakan titik permulaan bagi pelajar dalam usaha untuk mengekalkan momentum serta mempunyai minat berterusan dalam menghabiskan jurusan yang di pilih sehingga ke akhir pembelajaran (Wondu Teshome Beharu, 2018). Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga antara penyebab

pelajar masuk ke KV dan memilih kursus mempunyai kesan yang positif atau negatif. Terdapat pelajar yang masuk ke KV hanyalah dengan mengikut rakan-rakan, pilihan keluarga dan ada yang ingin jauh dari keluarga. Sokongan ibu bapa juga perlu dalam membantu pelajar dan motivasi pelajar agar sentiasa positif dalam kehidupan. Faktor kewangan keluarga juga memberi impak dan kesan kepada pelajar dalam mengharungi masalah tersebut. Perkara ini perlu dikaji untuk melihat kesan dan perbezaan dalam motivasi pencapaian pelajar dan minat dalam Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi.

Program Seni Kulinari mempunyai organisasi yang besar dalam melahirkan pelajar yang proaktif, mencipta pelbagai jenis produk inovasi dan sentiasa kreatif dalam bidang. Amatlah rugi jika jumlah organisasi yang besar tetapi tidak dapat membantu pelajar dalam pembelajaran. Matlamat utama BPLTV adalah dengan memastikan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) dapat dilaksanakan bagi memantapkan lagi sistem pendidikan vokasional yang bermula sejak tahun 2013 sehingga 2020, di mana berlakunya penstrukturan semula sekolah menengah vokasional (SMV) dan sekolah menengah teknik (SMT) kepada Kolej Vokasional (KV). Langkah ini di ambil bagi menyokong agenda transformasi ekonomi negara dalam menghasilkan tenaga kerja mahir yang kompeten. TPV telah mengubah persepsi masyarakat yang beranggapan pendidikan vokasional sebagai pendidikan kelas kedua dan menjadikannya setaraf dengan aliran perdana (Bahagian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional, 2019).

Pada asasnya seseorang pelajar yang mengikuti pendidikan vokasional kursusnya di Kolej Vokasional (KV) akan dinilai dalam penilaian berterusan (PB) dan penilaian akhir (PA) untuk melihat tahap kemahiran dan kefahaman sepanjang semester pengajian. Bagi pelajar yang meminati bidang kemahiran mereka boleh meneruskan pembelajaran di KV yang menyediakan pelbagai program kemahiran mengikut keperluan industri semasa. Syarat-syarat kelayakan bagi pelajar mengikuti program di KV ditentukan berdasarkan program yang dipilih oleh pelajar itu sendiri. Bahagian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (BPLTV) menawarkan program KV sebanyak 87 pengkhususan yang ditawarkan kepada pelajar baharu nanti.

Dalam mencapai status negara maju, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan generasi muda kini mendapat tempat dalam peluang pekerjaan antaranya memartabatkan kemahiran dengan pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Tujuan kerajaan menaikkan TVET adalah untuk memastikan pendekatan awal pembelajaran dapat dimanfaatkan oleh individu atau pelajar dengan menimba ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan yang bakal diceburi. Anjakan paradigma dalam sistem TVET, perlu dilakukan segera agar selari perubahan semasa dunia, selain dapat menyediakan generasi yang kompetensi, sahsiah, kukuh jati diri, berdaya tahan dan kalis masa hadapan.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (BPLTV) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan kursusnya Pendidikan Vokasional. Sistem pengambilan Kolej Vokasional (KV) memfokuskan kepada pelajar peringkat menengah atas iaitu bermula dari tingkatan 4. Program yang ditawarkan adalah sebanyak 87 pengkhususan di KV seluruh Malaysia dan memfokuskan kepada 35 program pengajian. Program ini merangkumi 2 tahun di peringkat sijil dan 2 ½ tahun setengah di peringkat Diploma. Pelajar yang berjaya di peringkat sijil akan dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan, layak menyambung pengajian di peringkat Diploma di KV serta pelajar perlu memenuhi syarat-syarat di peringkat diploma untuk dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) oleh Senat KV, KPM.

Selain itu, KV juga menawarkan program kemahiran atau *apprenticeship* yang melibatkan pengajian selama dua (2) tahun di peringkat sijil. Pengajian akan dijalankan secara Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Penuh atau secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Pelajar yang lulus dan berjaya akan dianugerahkan SKM mengikut tahap. Matlamat program KV untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir bagi memenuhi keperluan industri dan usahawan. Kajian ini dilaksanakan untuk memastikan objektif kajian yang dinyatakan dapat mencapai matlamat penilaian dan pentaksiran KV. Kajian ini juga memfokuskan kepada pelajar KV dari Program Seni Kulinari sebagai responden sepanjang kajian ini dijalankan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar, Kolej Vokasional Langkawi. Penyelidikan yang dilakukan berdasarkan konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar serta diperincikan seperti di dalam kerangka konsep kajian. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menentukan nilai skor min yang tertinggi berdasarkan kajian yang dikaji.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian merupakan perkara penting untuk pengkaji mencapai apa yang ingin dilaksanakan dalam kajian seperti berikut:

1. Mengetahui tahap pencapaian akademik pelajar dalam Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi.
2. Mengetahui tahap sendiri pelajar dalam Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi.
3. Mengetahui tahap sokongan ibu bapa terhadap pelajar dalam Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi.

## **KAJIAN LITERATUR**

Tinjauan literatur ini, penyelidik akan melihat beberapa kajian-kajian terdahulu untuk menyokong dasar kajian ini. Penyelidik akan membuat ulasan daripada karya penulisan dari sumber-sumber seperti buku, jurnal, kajian kes, tesis, laman sesawang, petikan akhbar / majalah dan lain-lain sumber ilmiah yang dianggap sahih. Sumber-sumber yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini akan membantu penyelidik meneruskan kajiannya dengan lebih baik lagi. Kajian-kajian lepas ini dapat membantu penyelidik dalam memberi idea baru dalam kajian ini. Sumber-sumber yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik dapat membantu meneruskan kajian ini dengan lebih baik.

Pelajar Kolej Vokasional (KV) asalnya dari Sekolah Menengah Harian yang hadir ke KV dengan melalui permohonan atas talian yang dibuat oleh pelajar. Sebelum pelajar diterima masuk ke KV, pelajar perlu menjalani satu sesi temu duga yang di uruskan oleh pihak KV untuk melihat tahap kecenderungan pelajar dari segi pengetahuan dan minat pada khusus yang di mohon. Namun begitu, tidak semua KV yang melaksanakan sesi temu duga tersebut, bergantung pada pengkhususan atau keperluan program. KV menerima pelajar bermula umur 16 tahun untuk peringkat pengajian sijil. Pelajar KV akan didedahkan dengan kemahiran mengikut bidang dan kepakaran masing-masing. Matlamat Bahagian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (BPLTV) adalah dengan memastikan semua graduan KV setelah tamat pengajian mendapat kerja dan dapat menyertai pasaran kerja, menjadi usahawan berdaya saing serta bersedia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Perbezaan individu dalam kebolehan keupayaan dan bakat pada peringkat remaja dalam kalangan pelajar KV mungkin sudah nyata dalam kecenderungan individu.

Motivasi ialah rangsangan untuk mengubah tingkah laku individu bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Oleh itu, orang yang bermotivasi lebih bijak dalam membuat keputusan positif berdasarkan matlamat yang diinginkan dan yakin bahawa sebarang tindakan yang diambil adalah bermakna dan dapat memenuhi keperluan (Mariani & Muhammad Zafri (2023). Setiap orang berbeza dari segi fizikal, mental, tingkah laku dan personaliti. Motivasi juga berbeza bagi setiap individu, termasuk motivasi dalaman dan motivasi luaran untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Motivasi merupakan dorongan kepada perubahan tingkah laku individu ke arah mencapai matlamat yang diinginkan. Justeru, individu yang mempunyai motivasi yang tinggi lebih bijak untuk membuat keputusan positif berdasarkan sesuatu matlamat yang diinginkan dan mempunyai keyakinan bahawa setiap tindakan yang dibuat bermakna dan dapat memuaskan keperluan (Mariani & Muhammad Zafri (2023). Minat adalah salah satu dari personaliti atau perwatakan yang terdapat dalam diri seseorang

pelajar. Apabila pelajar bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang di ceburi, maka pelajar tersebut akan peroleh kejayaan. Minat sangat penting untuk mencapai elemen penting dalam kejayaan. Melalui minat juga pelajar akan lebih bermotivasi untuk terus berjaya dan mengharungi pembelajaran di KV selama empat tahun setengah. Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam membantu kepada perkembangan minat murid.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan dapat membantu kepada perkembangan minat pelajar. Keberkesanan proses pembelajaran bergantung kepada kaedah yang digunakan oleh guru bagi mencorakkan kecemerlangan dalam kursus yang dipelajari. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran boleh menjadi pemangkin kepada perkembangan positif sikap dan minat pelajar. Abdul Rahman (2017), menyatakan dalam pembelajaran sekiranya dimasukkan unsur permainan ia merupakan sifat mendidik dan memudahkan pelajar mencapai matlamat seperti yang ditetapkan serta pelajar juga lebih aktif bagi mencapai matlamat. Kemahiran-kemahiran yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung akan membantu murid untuk menguasai topik seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi dan kemahiran mengira. Motivasi dan keyakinan diri pelajar dapat dibentuk seterusnya dapat meningkatkan pencapaian di samping mengukuhkan pengetahuan asas pembelajaran.

Menurut Mairin, Mohamad, Zakiah, Azmain dan Siti (2020), Pencapaian akademik membawa maksud kemampuan dan kebolehan pelajar menerima dan menguasai pelajaran yang dipelajari di sekolah. Pencapaian juga boleh ditakrifkan sebagai kejayaan yang diperoleh oleh pelajar dalam ujian atau peperiksaan berpandukan standard markah yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPN). Pencapaian akademik pelajar menengah rendah dinilai dalam bentuk Gred berdasarkan markah yang diperoleh dalam setiap mata pelajaran yang diambil. Perincian penggredan markah pelajar.

Menurut Mairin, Mohamad, Zakiah, Azmain dan Siti (2020), berdasarkan Teori Maslow, pencapaian pelajar dalam bidang akademik adalah berkait rapat dengan penglibatan yang dimainkan oleh ibu bapa dan latar belakang keluarga. Ini kerana pelajar memerlukan keperluan asas fisiologi, jaminan keselamatan, kasih sayang dan penghargaan diri sebelum dapat mengembangkan potensi diri sendiri. Maka, ibu bapa perlu berusaha menyediakan keperluan pembelajaran seperti alat tulis, buku, beg, kasut dan pakaian sekolah supaya anak-anak selesa untuk belajar. Selain itu, penjagaan keselamatan dan curahan kasih sayang ibu bapa kepada anak-anak seperti menghantar anak ke sekolah akan menyebabkan anak-anak merasa dilindungi dan dihargai. Apabila anak-anak merasa disayangi dan dihargai tumpuan mereka kepada pembelajaran akan lebih fokus. Maslow telah memperkenalkan teori humanistik dalam aspek pembangunan manusia. Teori ini mengutamakan aspek kesediaan moral dan juga potensi. Selain itu, teori humanistik mengutamakan perkara-perkara yang berkaitan dengan manusia secara individu dan juga kaitannya dengan sekeliling. Di samping itu juga, teori humanistik memfokuskan kesedaran sendiri dalam diri individu, keunikan diri dan kepentingan manusia lain terhadap individu. Teori ini mengutamakan manusia merupakan paksi keutamaan dan pembuat keputusan (Azizi Yahaya 2005 & Maslow 1943). Kerangka teori kajian ini digunakan untuk melihat hubungan pemboleh ubah dalam kajian iaitu hubungan konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar Kolej Vokasional.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian, penyelidik menggunakan kajian kuantitatif dengan menggunakan statistik deskriptif dan kolerasi terhadap hubungan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap prestasi akademik pelajar, Kolej Vokasional Langkawi. Penyelidik memfokuskan kepada latar belakang responden untuk melihat faktor pencapaian akademik yang mempengaruhi kajian yang dilaksanakan. Penyelidik telah menetapkan bahawa populasi penyelidikan yang dipilih adalah pelajar dari Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi sebagai responden kajian. Jumlah pelajar dalam Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi adalah seramai 55 orang. Mengikut jadual saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), jumlah sampel kajian yang dipilih adalah seramai 48 orang.

Prosedur pensampelan dilaksanakan mengikut kaedah pensampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*), di mana pelajar dari setiap kelas dan tahun dalam Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi dipilih secara rawak untuk diwakili dalam sampel. Antara kelas dan tahun yang terlibat dalam kaedah pensampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) ini adalah tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia (SVM), tahun 2 Sijil Vokasional Malaysia (SVM), tahun 1 Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan tahun 2 Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Ini dapat membantu penyelidik dalam menganalisis dapatan kajian bagi setiap keputusan yang diperolehi dengan melalui kaedah pensampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) terhadap populasi dan sampel pelajar di Program Seni Kulinari, Kolej Vokasional Langkawi.

Instrumen tinjauan ini menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji dan terdiri daripada 4 bahagian iaitu bahagian A maklumat demografi, bahagian B konsep sendiri, bahagian C sokongan ibu bapa dan bahagian D pencapaian akademik pelajar. Soal selidik ini, mempunyai 31 item yang terbahagi kepada 3 *construct* iaitu *construct* pertama terdiri daripada 10 item adalah konsep sendiri. *Construct* kedua terdiri daripada 9 item adalah sokongan ibu bapa dan *construct* ketiga terdiri daripada 12 item adalah pencapaian akademik pelajar. Jumlah keseluruhan item yang perlu dijawab oleh responden adalah sebanyak 31 item dan masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik ini hanyalah mengambil masa 15 hingga 20 minit sahaja. Soal selidik ini juga menggunakan skala Likert berskala 5, di mana responden diminta untuk memberi penilaian berdasarkan tahap persetujuan terhadap pernyataan yang diberikan. Nilai 1 menunjukkan "Sangat Tidak Setuju", nilai 2 menunjukkan "Tidak Setuju", nilai 3 menunjukkan "Kurang Setuju", nilai 4 menunjukkan "Setuju" dan nilai 5 menunjukkan "Sangat Setuju". Penyelidik menggunakan perisian SPSS (*statistical package for the social sciences*) sebagai alat untuk mengukur dan menganalisis data yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian. Statistik deskriptif untuk mengukur peratusan, frekuensi serta min pada tahap maklumat demografi responden, konsep sendiri, sokongan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar. Statistik deskriptif merupakan proses transformasi data penelitian dalam bentuk tabu lasi sehingga mudah difahami dan diinterpretasikan (Muhammad Dahri, 2020). Manakala statistik inferensi digunakan untuk menguji kebenaran hipotesis dalam kajian iaitu untuk menilai perbezaan antara jantina dalam pencapaian akademik pelajar dengan menggunakan ujian *independent-sample t-test* dan untuk menguji hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar dan sokongan ibu bapa dengan pencapaian akademik menggunakan *Pearson correlation*. Statistik inferensi adalah kaedah yang digunakan untuk mengetahui sifat-sifat populasi berdasarkan sampel dengan menganalisis dan mentafsir data untuk membuat kesimpulan yang tepat. (Muhammad Dahri, 2020).

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil dapat kajian ini menunjukkan Hubungan Antara Konsep Kendiri Dan Sokongan Ibu Bapa Terhadap Prestasi Akademik Pelajar, Kolej Vokasional Langkawi adalah meliputi tahap minat, motivasi dan persekitaran yang positif. Analisis bagi jantina menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan pelajar lelaki adalah seramai 29 orang dengan memperoleh peratusan sebanyak 60.4%. Manakala jumlah keseluruhan pelajar perempuan adalah seramai 19 orang dengan memperoleh peratusan sebanyak 39.6%. Analisis bagi bangsa menunjukkan bahawa seramai 46 orang adalah dari bangsa Melayu dengan memperoleh peratusan sebanyak 95.8% daripada jumlah keseluruhan. Manakala hanya terdapat 2 orang sahaja dari bangsa Cina dengan memperoleh peratusan sebanyak 4.2% daripada jumlah keseluruhan.

Analisis bagi kelas tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia (SVM), tahun 2 Sijil Vokasional Malaysia (SVM), tahun 1 Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan tahun 2 Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dilaksanakan dengan kaedah pengagihan kepada 4 kelas dengan memperoleh peratusan sebanyak 25.0% bagi mewakili setiap kelas. Setiap kelas akan dibahagikan secara sama rata dengan mewakili 12 orang pelajar dengan jumlah keseluruhan seramai 48 orang.

Analisis dalam statistik deskriptif bagi soalan 1 dalam Bahagian B menunjukkan "minat terhadap kursus Seni Kulinari" telah mengalami peningkatan yang sangat tinggi dengan median dan mod pada skala Likert skor 5 (Sangat Setuju) dengan memperoleh peratusan sebanyak 68.8%. Ini menunjukkan bahawa pelajar memberi sokongan yang sangat positif terhadap kursus Seni Kulinari.

Manakala peratusan sebanyak 20.8% telah menyatakan setuju dan peratusan sebanyak 10.4% menyatakan kurang setuju. Analisis bagi sisihan piawai adalah 0.494 dengan varian sebanyak 0.244.

Analisis ini berdasarkan kekerapan dan peratusan untuk melihat konsep sendiri terhadap pencapaian akademik pelajar di Kolej Vokasional Langkawi. Konsep sendiri merujuk kepada bagaimana pelajar membuat penilaian terhadap diri sendiri dalam konteks pembelajaran dan pencapaian akademik. Majoriti pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap kursus yang diambil. Sebagai contoh, sebanyak 68.8% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap pernyataan "Saya amat meminati kursus Seni Kulinari," dan sebanyak 66.7% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap pernyataan "Saya berasa seronok memilih kursus Seni Kulinari". Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memilih kursus ini berdasarkan minat diri sendiri. Minat yang mendalam terhadap kursus Seni Kulinari dapat mendorong pelajar untuk mencapai pencapaian akademik dengan lebih baik lagi.

Sebanyak 47.9% pelajar menyatakan "setuju" bahawa mereka mudah memahami kandungan kurikulum kursus ini secara teori dan sebanyak 60.4% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap "Saya mudah faham kandungan kurikulum kursus ini secara amali". Ini menunjukkan bahawa kandungan kursus yang diajar adalah konsisten dan teratur serta memudahkan pelajar untuk memahami dan menguasai silibus. Data menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar menunjukkan sikap yang proaktif dalam pembelajaran. Sebagai contoh, sebanyak 75.9% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap "Saya akan gunakan ilmu ini sepanjang mengikuti kursus Seni Kulinari di industri selepas tamat pengajian" dan sebanyak 47.9% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap "Saya suka menawarkan diri untuk membantu pensyarah yang memerlukan". Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai konsep sendiri yang tinggi, bersikap positif, aktif dalam pembelajaran dan bersedia untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam praktikal. Jadual 1 di bawah menunjukkan keputusan kekerapan dan peratusan konsep sendiri.

**Jadual 1** Keputusan Kekerapan dan Peratusan Konsep Kendiri.

Item	Kekerapan (N), Peratus (%)				
	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Kurang Setuju (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)
Saya amat meminati kursus Seni Kulinari.			5 (10.4%)	10 (20.8%)	33 (68.8%)
Saya berasa seronok memilih kursus Seni Kulinari.			4 (8.3%)	12 (25.0%)	32 (66.7%)
Saya memilih kursus Seni Kulinari atas pilihan saya sendiri.	2 (4.2%)		3 (6.3%)	10 (20.8%)	33 (68.8%)
Saya mudah faham kandungan kurikulum kursus ini secara teori.		2 (4.2%)	11 (22.9%)	23 (47.9%)	12 (25.0%)
Saya mudah faham kandungan kurikulum kursus ini secara amali.	1 (2.1%)		3 (6.3%)	15 (31.3%)	29 (60.4%)
Saya akan gunakan ilmu ini sepanjang mengikuti kursus Seni Kulinari di industri selepas tamat pengajian.			1 (2.1%)	12 (25.0%)	35 (75.9%)
Saya seorang yang pemalu apabila pensyarah meminta untuk membuat pembentangan.	5 (10.4%)	6 (12.5%)	15 (31.3%)	15 (31.3%)	7 (14.6%)
Saya seorang yang merendah diri apabila memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.		1 (2.1%)	13 (27.1%)	19 (39.6%)	15 (31.3%)
Saya suka menawarkan diri untuk membantu pensyarah yang memerlukan.	1 (2.1%)		6 (12.5%)	19 (39.6%)	22 (45.8%)
Saya suka menawarkan diri untuk membantu rakan-rakan yang memerlukan.	1 (2.1%)		2 (4.2%)	22 (45.8%)	23 (47.9%)

Sokongan ibu bapa dalam menyediakan persekitaran belajar yang kondusif sangat penting dalam pencapaian akademik pelajar. Sebilangan pelajar melaporkan bahawa ibu bapa mereka telah menyediakan persekitaran belajar yang kondusif di rumah. Sebagai contoh, sebanyak 45.8% pelajar menyatakan "setuju" terhadap "Ibu bapa saya menyediakan ruang yang selesa untuk saya belajar di rumah," dan sebanyak 35.4% pelajar menyatakan "sangat setuju" dengan pernyataan yang sama. Keadaan persekitaran belajar yang selesa ini dapat membantu pelajar memberi tumpuan dengan lebih efektif semasa belajar. Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mempunyai jadual belajar yang tetap dan akses kepada sumber buku rujukan yang mencukupi. Sebanyak 35.4% pelajar menyatakan "setuju" terhadap "Ibu bapa saya memastikan saya mempunyai jadual belajar di rumah," dan 16.7% pelajar menyatakan "sangat setuju" dengan pernyataan yang sama.

Selain itu, sebanyak 41.7% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap "Ibu bapa saya memastikan saya mempunyai sumber buku rujukan yang mencukupi". Sokongan ini dapat membantu pelajar dalam mengatur masa belajar dengan lebih baik dan memastikan pelajar memiliki bahan rujukan yang diperlukan untuk memahami kursus dengan lebih mendalam. Perhatian dan sokongan emosional yang diberikan oleh ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik pelajar. Sebanyak 58.3% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap "Ibu bapa saya sentiasa bercerita atau berbual dengan saya," dan sebanyak 60.4% pelajar menyatakan "sangat setuju" terhadap "Ibu bapa saya sentiasa makan bersama dengan saya". Perkara ini dapat membantu mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan memberi sokongan emosional yang diperlukan oleh pelajar untuk menghadapi cabaran akademik dengan lebih baik. Jadual 2 di bawah menunjukkan keputusan kekerapan dan peratusan sokongan ibu bapa.

**Jadual 2** Keputusan Kekerapan dan Peratusan Sokongan Ibu Bapa.

Item	Kekerapan (N), Peratus (%)				
	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Sangat Tidak Setuju (1)	Setuju (4)	Sangat Tidak Setuju (1)
Ibu bapa saya menyediakan ruang yang selesa untuk saya belajar di rumah.	1 (2.1%)	1 (2.1%)	7 (14.6%)	22 (45.8%)	17 (35.4%)
Ibu bapa saya memastikan saya mempunyai jadual belajar di rumah.	1 (2.1%)	5 (10.4%)	17 (35.4%)	17 (35.4%)	8 (16.7%)
Ibu bapa saya mengurangkan gangguan bunyi daripada radio / televisyen semasa saya sedang belajar.	3 (6.3%)	4 (8.3%)	10 (20.8%)	17 (35.4%)	14 (29.2%)
Ibu bapa saya sangat mengambil berat mengenai kekemasan dan kebersihan di ruang tempat saya belajar.		2 (4.2%)	4 (8.3%)	14 (29.2%)	28 (58.3%)
Ibu bapa saya memastikan saya mempunyai sumber buku rujukan yang mencukupi.		3 (6.3%)	8 (16.7%)	17 (35.4%)	20 (41.7%)
Ibu bapa saya sentiasa bercerita atau berbual dengan saya.	2 (4.2%)	2 (4.2%)	2 (4.2%)	14 (29.2%)	28 (58.3%)
Ibu bapa saya sentiasa makan bersama dengan saya.	2 (4.2%)	1 (2.1%)	7 (14.6%)	9 (18.8%)	29 (60.4%)
Ibu bapa saya sentiasa ambil tahu mengenai pergerakan saya.	1 (2.1%)	3 (6.3%)	5 (10.4%)	9 (18.8%)	30 (62.5%)
Ibu bapa saya memberi didikan agama yang sangat mencukupi buat saya.			3 (6.3%)	9 (18.8%)	36 (75.0%)

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan antara konsep sendiri dan sokongan ibu bapa terhadap pencapaian akademik pelajar. Kedua-dua faktor ini memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pencapaian akademik pelajar. Konsep sendiri yang positif dalam kalangan pelajar dapat membantu mereka memilih kursus berdasarkan minat sendiri dan meningkatkan keyakinan serta pemahaman terhadap kandungan kursus. Pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang seimbang, ia dapat membantu dalam meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar dengan lebih baik lagi. Ini menunjukkan bahawa konsep sendiri memberikan impak yang positif terhadap minat dan pencapaian akademik pelajar dalam kursus yang diambil. Pemahaman yang mendalam dan keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan dalam pembelajaran, sama ada secara teori atau amali dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam kursus vokasional.

Konteks pendidikan yang menggalakkan pembelajaran yang berterusan dalam teori dan praktikal adalah penting untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Sokongan yang diberikan oleh ibu bapa dalam menyediakan persekitaran belajar yang kondusif dan menyediakan sumber pembelajaran yang mencukupi dapat membolehkan pelajar memberi tumpuan dan memahami pembelajaran dengan lebih baik. Selain itu, perhatian yang perlu diberikan oleh ibu bapa dalam kehidupan harian mereka adalah dengan meluangkan masa untuk berbual, makan bersama dan memberi sokongan emosional yang diperlukan oleh pelajar. Ini menunjukkan betapa pentingnya sokongan ibu bapa dalam mencapai keyakinan dan keperluan terhadap pencapaian akademik mereka serta dalam aktiviti harian bersama.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa implikasi penting dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Pelajar perlu mengenal pasti minat dan potensi mereka sendiri serta berusaha membangunkan konsep sendiri yang positif. Ini boleh dicapai melalui penetapan matlamat yang jelas dan usaha yang berterusan dalam memahami dan menguasai pembelajaran. Ibu bapa harus terus menyokong anak-anak mereka dengan menyediakan persekitaran belajar yang selesa dan kondusif. Di samping itu, mereka perlu melibatkan diri secara aktif dalam kehidupan harian anak-anak mereka dan memberi perhatian khusus kepada pembelajaran serta pencapaian akademik mereka.

Institusi pendidikan perlu memberi penekanan kepada pengajaran yang menggabungkan teori dan amali dengan seimbang serta menyediakan akses kepada sumber pembelajaran yang lengkap dan berkualiti. Program yang menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak juga boleh diperkenalkan untuk memperkukuhkan sokongan ibu bapa terhadap pendidikan. Penyelidik boleh meneliti dengan lebih mendalam bagaimana setiap aspek sokongan ibu bapa mempengaruhi prestasi akademik pelajar dan bagaimana konsep sendiri pelajar boleh diperkukuhkan melalui intervensi yang memfokuskan pendidikan dan psikologi. Pendekatan yang menyeluruh dan kolaboratif antara sokongan ibu bapa dan pembangunan konsep sendiri yang kukuh dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar, terutama dalam konteks pendidikan vokasional.

## **KESIMPULAN**

Usaha kerajaan dalam memartabatkan kemahiran melalui pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat melahirkan pelajar berkemahiran tinggi. Kajian ini dapat membantu pelajar untuk meningkatkan tahap sendiri dalam pencapaian akademik dan sokongan ibu bapa juga perlu diberi perhatian agar pelajar dapat meningkatkan pencapaian akademik dengan lebih baik. Kajian ini menunjukkan bahawa pengkaji telah melihat beberapa tinjauan literatur mengenai latar belakang responden kursusnya dalam pencapaian akademik pelajar untuk melihat tahap kecemerlangan pelajar dan konsep sendiri pelajar juga perlu diambil kira agar pelajar akan lebih proaktif dalam pembelajaran. Kajian-kajian lepas telah digunakan untuk penyelidik menambah baik lagi dalam kajian ini dan pengkaji juga dapat mengembangkan lagi idea baru dalam tinjauan literatur ini. Selain itu, kaedah penelitian

yang digunakan oleh penyelidik dapat membantu dalam melaksanakan kajian ini seperti yang dirancang. Penyelidik juga menggunakan instrumen untuk mengukuhkan lagi data yang diperoleh. Pendekatan yang menyeluruh antara pembangunan konsep sendiri pelajar dan sokongan daripada ibu bapa dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar, khususnya dalam konteks pendidikan vokasional.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman, S. N. (2017). Pendekatan Gamification Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Murid Tingkatan Dua Bagi Topik Ungkapan Algebra [Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].
- Anwar, N. F. (2013, Januari). Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Aliran Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- Azizi Yahaya. (2005). Psikologi Kognitif. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Aunillah, & Udin, M. (2021). Buku Ajar Statistik Pendidmasyarakat. Sidoarjo: UMSIDA Press.
- Beharu, W. T. (2018). Psychological factors affecting students' academic performance among freshman psychology students in Dire Dawa University. *Journal of Education and Practice*, 9(4), 59-65.
- Dahri, M. (2020). Jenis Variabel dan Skala Pengukuran, Perbedaan Statistik Deskriptif sosiologi dan Inferensial dan Statistik Parametrik dan NonParametrik.
- Ismail, A., & Hassan, R. (2013). Issues and Challenges of Technical and Vocational Education & Training in Malaysia for Knowledge Worker Driven. Dalam National Conference on Engineering Technology 2013 (ms. 1-11). Johor: ResearchGate.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample saiz for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.  
[https://home.kku.ac.th/sompong/guest\\_speaker/KrejcieandMorgan\\_article.pdf](https://home.kku.ac.th/sompong/guest_speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf)
- Laman sesawang BPLTV. (2023). Senarai Program Seni Kulinari. Kolej Vokasional. Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal Vokasional. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://bpltv.moe.gov.my/kv-smt/>
- Mairin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin & Siti Rozana Sali. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences*, 4(1), 1-12.
- Mariani, O., & Muhammad, Z. A. R. (2023). Tekanan, Motivasi dan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50, 843-853.